

Dua kali terima ijazah bersama anak

Clim 27-11-2011 18

KOTA KINABALU 26 Nov. - Majlis Konvokesyen ke-13 Universiti Malaysia Sabah (UMS) hari ini menjadi detik paling bermakna bagi Ananglangka Mad Kassim, 55, apabila buat kali kedua menerima ijazah bersama anaknya.

Hari ini, ibu kepada lima anak itu menerima Ijazah Doktor Falsafah Psikologi manakala, anak ketiganya, Nuradieana Afiza Abdul Hamid, 26, menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan yang disampaikan Yang Dipertua Negeri, Tun Juhar Mahiruddin.

"Saya bersyukur kerana buat kali kedua menerima ijazah bersama anak saya selepas menerima Ijazah Sarjana pada 2005 bersama anak lelaki saya yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Perniagaan.

"Jadi, saya menganggap ijazah yang diterima hari ini sebagai satu keajaiban dan anugerah tuhan kepada saya dan keluarga," katanya ketika ditemui pada Majlis Konvokesyen ke-13 UMS di Dewan Canselor di sini hari ini.

Ananglangka yang juga seorang kaunselor di Sekolah Menengah Perempuan Likas di sini berkata, semangat yang kuat untuk mencapai kejayaan membuatkannya bertekad terus belajar tanpa mengira usia.

Justeru beliau berharap, kejayaan yang dibuktikannya itu bukan sahaja membakar semangat anak-anaknya



ANANGLANGKA Mad Kassim (kiri) menerima ciuman tahniah daripada anaknya, Nuradieana Afiza Abdul Hamid yang juga penerima ijazah muda pendidikan pada majlis Konvokesyen Ke-13 Universiti Malaysia Sabah di Kota Kinabalu, semalam.

untuk berjaya tetapi menjadi pendorong kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Bagi saya umur bukanlah penghalang untuk kita belajar kerana se lagi ada hayat di kandung badan kita harus belajar dan terus belajar," katanya.

Katanya, meskipun telah men-

dapat ijazah tertinggi hari ini dia tidak menolak kemungkinan untuk terus belajar di pelbagai peringkat dan bidang pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Nuradieana Afiza berkata, kesungguhan ditunjukkan ibunya telah membakar semangatnya untuk belajar dan menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi.